

19/03/2002

Johor sahkan perairan semakin sempit

Ahmad Fauzi Mustafa; Jami'ah Shukri

JOHOR BAHRU, Isnin - Kerajaan Johor hari ini mengesahkan, penambakan laut oleh Singapura menyebabkan perairan di kawasan terbabit semakin sempit iaitu hampir 300 meter antara sempadan perairan Malaysia dengan Tuas dan kira-kira 700 meter antara Tanjung Pengelih dari jeti Pularek.

Malah, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman, tidak menolak kemungkinan Singapura akan menghubungkan Pulau Tekong dan Pulau Ubin dengan jambatan termasuk ke Singapura selepas penambakan di kawasan itu siap.

Bercakap kepada pemberita di lobi Dewan Undangan Negeri di sini hari ini, beliau berkata walaupun belum ada maklumat menunjukkan kerja penambakan laut Singapura itu melepasi perairan sempadan Malaysia, kesan negatifnya sudah mula dirasai.

Katanya, arus di perairan itu semakin deras sehingga 5 knot (kelajuan biasa ialah antara 2.5 dan 3 knot sejam) akibat tambakan yang menjadikan Selat Johor sempit.

"Laluan kapal menjadi lebih sempit dan airnya cetek sehingga kapal perlu dipandu masuk ke Pelabuhan Pasir Gudang melalui selatan Pulau Tekong dan Pulau Ubin, milik Singapura.

"Akibatnya kos bagi kapal untuk ke Pelabuhan Pasir Gudang akan bertambah," katanya mengulas lanjut isu penambakan laut oleh Singapura yang ditimbulkan dalam persidangan Dewan hari ini.

Berita Minggu semalam melaporkan, penambakan laut oleh Singapura di Tuas dikesan melepasi sempadan perairan Malaysia di Selat Teberau, berdasarkan imej satelit dan boya yang menandakan had sempadan kedua-dua negara.

Berita Harian hari ini pula memetik sumber sebagai berkata, apabila kerja penambakan laut oleh Singapura di Pulau Tekong dan Pulau Ubin siap, laluan kapal di perairan Selat Johor, dekat Tanjung Pengelih, Kota Tinggi, tertutup.

Abdul Ghani menjelaskan, Singapura dijangka menambah 15 peratus lagi keluasan bertanah republik itu melalui kerja penambakan laut, daripada seluas 660 km persegi sekarang.

"Selepas penambakan Pulau Tekong dan Pulau Ubin, tidak mustahil Singapura akan menghubungkan pulau-pulau itu dengan jambatan termasuk ke pulau Singapura, yang sudah tentu menimbulkan tanda tanya bagi Johor bagaimana kapal akan dapat keluar masuk ke Pasir Gudang," katanya.

Terdahulu itu, ketika soal jawab, beliau memberitahu Dewan, soal perubahan sempadan wilayah Malaysia-Singapura tidak timbul kerana ia telah ditetapkan melalui perjanjian persempadanan perairan yang ditandatangani kedua-dua negara pada 7 Ogos 1995.

Perjanjian yang ditandatangani menteri luar kedua-dua negara itu sekali gus mengatasi satu perjanjian sempadan yang ditandatangani pada 8 Ogos 1927 antara Malaysia-Singapura.

"Perjanjian terbaru itu ditandatangani berdasarkan kerja-kerja ukur yang dilakukan oleh Bahagian Hidrografi Tentera Laut kedua-dua negara," katanya menjawab soalan Malik Ibrahim (BN-Pulai Sebatang).

Abdul Ghani berkata, apa yang menjadi isu sekarang ialah kerja penambakan oleh Singapura itu dijangka mengubah laluan perairan terdalam, selain memberi kesan kepada ekologi hidupan laut serta menyebabkan hakisan pantai Johor.

Bagi memantau kesan itu, Kerajaan Pusat menubuhkan Pasukan Kajian Hidrografik dan Pengumpulan Data yang bertanggungjawab mengumpul fakta dan maklumat teknikal terhadap kesan kerja penambakan oleh Singapura terhadap

perairan Malaysia.

Katanya, pemantauan kerajaan negeri mendapati kerja penambakan di kawasan Pulau Tekong dan Pulau Ubin di timur Johor selain di Tuas di barat Johor, sememangnya dilaksanakan dalam kawasan Singapura.

Kepada soalan beberapa ahli Dewan berkaitan kelekaan kerajaan negeri dalam menangani isu penambakan sedangkan maklumat mengenainya sudah menjadi pengetahuan umum di republik itu sejak lama, Abdul Ghani berkata urusan dengan Singapura adalah berdasarkan kepada antara kerajaan dan kerajaan.

Baharom Abdul Ghani (BN-Tanjung Kupang) ketika mengemukakan soalan tambahan berkata jika kerajaan lebih awal sensitif kepada kerja penambakan oleh Singapura, pandangan Malaysia boleh dikemukakan kepada republik itu lebih awal.

Abdul Ghani menjelaskan, walaupun ia menjadi makluman umum, Singapura seharusnya memaklumkan mengenai perancangan itu kepada Malaysia secara rasmi atas dasar semangat kejiranan dan diplomasi.

"Saya sendiri diingatkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa urusan dengan Singapura adalah antara kerajaan Persekutuan dengan kerajaan republik itu dan bukannya antara kerajaan negeri Johor dengan kerajaan negara Singapura," katanya.

Di KUALA LUMPUR, Institut Maritim Malaysia (Mima) meramalkan Pelabuhan Pasir Gudang mungkin ditutup jika kerja penambakan laut secara berterusan oleh Singapura sekarang memberi kesan terhadap pelayaran keluar masuk kapal di perairan terbabit.

Jurucakapnya berkata, penambakan itu akan menjadikan kawasan sekitar Pelabuhan Pasir Gudang semakin sempit dan cetek berikutan arus kuat daripada kegiatan berkenaan.

"Ketika ini, Pelabuhan Pasir Gudang menjadi tumpuan kepada kapal dagang, kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan kapal lain untuk dibaik pulih.

"Semua kapal itu akan memasuki dan berkongsi laluan ke pelabuhan itu. Apabila sempit dan cetek, perairan itu akan sesak sehingga menyukarkan kapal untuk berpusing di laluan yang sama," katanya ketika dihubungi hari ini.

Jurucakap itu berkata, kegiatan penambakan itu juga akan memberikan suasana yang kurang selamat dan membahayakan kapal berlabuh terutama pada waktu malam.

"Kerajaan mungkin tidak ada pilihan lain, selain menutup Pelabuhan Pasir Gudang jika kawasan itu menjadi sempit dan cetek, bagi memastikan keselamatan kepada kapal terutama yang melebihi 90,000 tan terjamin," katanya.

Beliau berkata, kesan lain ialah kegiatan nelayan akan menjadi semakin terhad apabila banyak hasil tangkapan itu musnah.

(END)